

Tidak boleh anggap tampung sara hidup sahaja — PM Guru punyai tanggungjawab kepada bangsa dan negara

UM - 9 JUN 1990

KUALA LUMPUR 8 Jun — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini bahawa tugas guru tidaklah boleh dianggap untuk menampung sara hidup sahaja, tetapi sebagai tanggungjawab kepada bangsa dan negara.

Katanya, guru-guru bertanggungjawab melahirkan masyarakat yang berperibadi mulia supaya tidak menyalahgunakan ilmu yang telah diberikan.

"Sebenarnya didikan yang bertujuan membentuk peribadi yang mulia lebih penting daripada ilmu," katanya ketika melancarkan sambutan Hari Guru 1990 di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Hari Guru ialah pada 16 Mei. Sambutan tahun ini ditangguhkan kerana pada tarikh tersebut sekolah ber-cuti.

Perdana Menteri juga mahu guru menekankan latihan kerohanian yang sesuai dengan zaman bersama dengan didikan dalam bidang-bidang ilmu yang juga sesuai dengan pembangunan bangsa dan negara.

"Saya yakin semua guru sedar akan hakikat ini, tetapi masyarakat di Malaysia tidak menganggap pendidikan yang boleh membentuk peribadi yang mulia sebagai sama penting atau lebih penting daripada ijazah keilmuan," tegasnya.

Katanya, jika masyarakat sudah dapat menyusun keutamaannya dan percaya bahawa peribadi yang mulia adalah penting dalam menentukan kejayaan dan kebahagiaan, maka guru-guru patutlah diberi peranan utama dalam menyebarkan nilai-nilai itu kepada semua generasi

muda.

"Insya-Allah akan terbentuklah satu masyarakat yang lebih baik dan lebih berjaya daripada yang ada sekarang," katanya kepada lebih 1,000 orang guru dan guru pelatih dari seluruh negara di majlis tersebut.

Beliau kesal kerana penyalahgunaan ilmu oleh mereka yang berpengetahuan dewasa ini semakin meluas.

"Sebab itulah senjata-senjata yang kejam dicipta dan jenayah-jenayah besar dilakukan oleh orang-orang yang terpelajar.

"Sebab itulah juga penipuan yang besar berlaku dalam perniagaan dan perusahaan," katanya.

Bercakap kepada para pemberita kemudian, Perdana Menteri terus melahirkan rasa kesal kerana wujudnya penjenayahan di kalangan mereka yang terpelajar.

"Kita melantik mereka menjadi pengurus dan pengarah bank kerana pendidikan mereka yang tinggi, tetapi mereka menggunakan ilmu itu untuk menipu," katanya.

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri menarik perhatian bahawa peranan guru membentuk peribadi murid dan bakal warganegara dewasa, masih ada dan masih diperlukan.

Katanya, perbincangan sama ada guru atau ibu bapa yang bertanggungjawab dalam pembentukan tersebut tidak seharusnya berlaku.

"Ibu bapa mempunyai tanggungjawab mereka dan guru juga mempunyai tanggungjawab," katanya.

Mengenai pendidikan bermutu pula, Perdana Menteri berkata, apa yang lebih penting ialah dedikasi dan semangat guru itu sendiri.

"Dedikasi dan semangat yang mengenyakan soal-soal lain, termasuk soal-soal peribadi semasa mengajar.

"Walau apa sekalipun masalah peribadi atau kumpulan yang dihadapi, semuanya harus diketepikan semasa menyampaikan pelajaran kepada murid," katanya.

Beliau mengingatkan bahawa murid-murid adalah sensitif terhadap segala-gala yang mempengaruhi fikiran dan sikap guru.

Katanya, tumpuan murid-murid kepada pelajaran akan terpesong jika faktor-faktor lain mengganggu guru, justeru itu, guru-guru terus mengasingkan faktor-faktor lain daripada fikiran mereka semasa mengajar.

"Ini tidak mudah dilakukan, tetapi mutu memang tidak mudah dicapai. Hanya mereka yang teguh peribadi dan berdisiplin yang boleh mencapai mutu yang tinggi.

"Yang harus kita ingat ialah mereka yang berjaya mencapai mutu yang tinggi dalam mendidik murid akan berjaya dalam kehidupan mereka sendiri," katanya.

Yang turut hadir di majlis tersebut ialah Menteri Pendidikan Encik Anwar Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Dato' Khalid Sahan, Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Abdul Rahman Arshad, Timbalan - timbalan Menteri Pendidikan Dr. Leo Micheal Toyad dan Encik Woon See Chin serta Pengarah Pendidikan Sekolah-Sekolah Dato' Dr. Isa Ramli.

Di akhir majlis tersebut, Perdana Menteri menyampaikan anugerah kepada tiga orang tokoh guru 1990 iaitu Haji Abdullah Sani Abu Bakar, Dato' Haji Idris Haji Tain dan Encik Micheal Graham Parry.